



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**MAKSUD PERKATAAN “DIGUNAKAN” ATAU
“*USED*” DALAM PERATURAN 17 (1)(g),
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN 2018**

KETETAPAN UMUM BIL. 2/2026

TARIKH KUATKUASA: 18.05.2026

KETETAPAN UMUM

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum Bil: 2/2026 bagi menjelaskan maksud perkataan “digunakan” atau “*used*” dalam subperenggan 17 (1)(g), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.

Ketetapan Umum ini boleh ditarik balik sebahagiannya atau keseluruhannya pada bila-bila masa melalui penerbitan baharu atau suatu notis tarik balik dibuat.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: **08.05.2026**

No. Fail: **KE.HF(152)431/13 JLD.2 (7)**

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Apa-apa dalam penghasilan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Dokumen ini tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini secara salah tafsir, tidak bertanggungjawab atau tidak berketepatan dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

KANDUNGAN

1. OBJEKTIF.....	1
2. PENGENALAN.....	1
3. MAKSUD “DIGUNAKAN” ATAU “ <i>USED</i> ”.....	1

1. OBJEKTIF

Ketetapan umum ini bertujuan untuk menjelaskan maksud perkataan “digunakan” atau “used” sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 17(1)(g), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (PPCJ) 2018.

2. PENGENALAN

Terdapat beberapa syarat yang ditetapkan di bawah Peraturan 17, PPCJ 2018 yang perlu dipatuhi sebelum pulang balik cukai jualan boleh dibenarkan. Antaranya ialah syarat di bawah subperenggan 17(1)(g), PPCJ 2018 yang menyatakan “**barang bercukai tersebut tidak digunakan selepas pengimportan atau pembelian**”.

3. MAKSUD “DIGUNAKAN” ATAU “USED”

- 3.1 Subperenggan 17(1)(g), PPCJ 2018 menjelaskan bahawa pulang balik cukai jualan di bawah seksyen 40, Akta Cukai Jualan 2018 boleh dibenarkan sekiranya barang bercukai yang dituntut pulang balik tersebut tidak **digunakan** selepas pengimportan atau pembelian daripada pengilang berdaftar.
- 3.2 Maksud perkataan “digunakan” atau “used” seperti dalam subperenggan 17(1)(g), PPCJ 2018 merujuk kepada barang bercukai yang telah dilakukan ke atasnya apa-apa aktiviti, termasuk proses tambah nilai atau proses pengilangan.
- 3.3 Sebarang aktiviti, proses tambah nilai, atau proses pengilangan yang dilakukan ke atas barang bercukai selepas pengimportan atau pembelian, **SELAIN** daripada **pelabelan (*labelling*)**, **pembungkusan (*packaging*)** atau **pembungkusan semula (*re-packaging*)**, dianggap sebagai “digunakan” dalam subperenggan 17(1)(g), PPCJ 2018.
- 3.4 Aktiviti pelabelan (*labelling*), pembungkusan (*packaging*) atau pembungkusan semula (*re-packaging*) hendaklah tidak mengakibatkan barang bercukai tersebut diberi nilai tambah.

KETUA PENGARAH KASTAM
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA